

IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL. 31
HUKUM TINDIK KELAMIN

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak telah memperaku keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Kali Ke-229 yang bersidang pada 23 hingga 25 Safar 1444H bersamaan 20 hingga 22 September 2022M sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Hukum Tindik Kelamin. Jawatankuasa berpandangan bahawa hukum tindik kelamin adalah seperti berikut:

- a) **Haram** hukumnya kepada seseorang Muslim sama ada lelaki atau perempuan menindik kemaluan mereka dan dikira berdosa disebabkan perlakuan tersebut;
- b) **Wajib** ke atas pelakunya menghilangkan alatan yang telah ditindik di kemaluan mereka dan diminta segera bertaubat;
- c) **Elakkan** berimamkan mana-mana individu yang didapati menindik kemaluan mereka ketika solat berjemaah kerana perbuatan haram secara nyata membawa kepada kefasikan.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak menyarankan pihak berkuasa penjara atau Agensi Anti Dadah Kebangsaan sentiasa memberi kesedaran akan kemudaratannya dalam agama dan kesihatan kepada para banduan sebagai menunaikan hak dan tanggungjawab terhadap agama serta tugasannya.

Tarikh : 18 Oktober 2022
No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9

Saya yang menjalankan amanah



(Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan Teh)
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan